

## PEMERKASAAN INSTITUSI MASJID SEBAGAI PUSAT BANTUAN EKONOMI LOKAL DI MALAYSIA

### *Empowering Mosque Institutions as Local Economic Aid Centers in Malaysia*

Muhammad Najib Abd Wakil<sup>1a\*</sup>, Azman Ab Rahman<sup>2b</sup> dan Ahmad Syukran Baharuddin<sup>3c</sup>

<sup>a</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM),  
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA

Emel: [muhhammad.najib@uitm.edu.my](mailto:muhhammad.najib@uitm.edu.my)<sup>1</sup>

<sup>b</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Emel: [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)<sup>2</sup>

<sup>c</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Emel: [ahmadsyukran@usim.edu.my](mailto:ahmadsyukran@usim.edu.my)<sup>3</sup>

\*Corresponding Author: [muhhammad.najib@uitm.edu.my](mailto:muhhammad.najib@uitm.edu.my)

Received: 20 Mac 2024

Accepted: 2 May 2024

Published: 31 May 2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29no2.584>

Abstrak	Abstract
<p><i>Masjid merupakan institusi penting dan sinonim dengan kehidupan Muslim. Masjid mempunyai peranan yang mapan dalam pembinaan sosial, agama dan termasuklah melestarikan ekonomi umat Islam. Namun begitu, peranan masjid dalam menjaga kemaslahatan ekonomi umat Islam sering dipolemikkan dari sudut bentuk serta peranan bantuan-bantuan tersebut terhadap ekonomi umat Islam. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji bentuk-bentuk bantuan ekonomi di sebahagian masjid di Malaysia. Kajian ini juga akan mengkaji impak-impak bantuan yang telah dikenal pasti serta kesannya kepada ekonomi umat Islam. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen di samping berlandaskan dapatan temu bual yang dijalankan bersama beberapa orang pihak berautoriti tempatan. Kajian ini mendapati bahawa institusi masjid di Malaysia ada mengaplikasikan beberapa mekanisme dalam</i></p>	<p><i>The mosque is an essential institution synonymous with Muslim life. Mosques play a well-established role in social construction, religion, and even in sustaining the economy of the Muslim community. However, the role of mosques in safeguarding the economic well-being of Muslims is often debated in terms of the form and impact of such assistance on the Muslim economy. Therefore, this study aims to examine the forms of economic assistance in selected mosques in Malaysia. It also investigates the identified impacts of such assistance and their effects on the economy of the Muslim community. This qualitative study employs document analysis methods alongside findings from interviews conducted with several local authorities. The study finds that mosque institutions in Malaysia implement various mechanisms to support the economic growth of Muslims, such as through zakat,</i></p>

<p>membantu pertumbuhan ekonomi umat Islam seperti melalui zakat, wakaf dan pemberian-pemberian lain. Kajian ini dilihat mampu memberikan pencerahan kepada para pembaca, institusi masjid, institusi agama Islam negeri serta keseluruhan umat Islam akan kepentingan masjid dalam memacu dan membantu kebijakan ekonomi umat Islam di Malaysia. Kajian mencadangkan agar kuasa masjid diperluaskan dengan mengimplementasi model mini pengurusan zakat di masjid-masjid tempatan.</p>	<p><i>waqf, and other forms of assistance. This research is expected to enlighten readers, mosque institutions, state Islamic religious institutions, and the Muslim community as a whole on the importance of mosques in driving and supporting the economic well-being of Muslims in Malaysia. The study suggests expanding the authority of mosques by implementing a mini zakat management model in local mosques.</i></p>
<p><b>Kata kunci:</b> Institusi Masjid, Pengurusan Masjid, Bantuan Ekonomi, Lokalisasi</p>	<p><b>Keywords:</b> Mosque Institutions, Mosque Management, Economy Aid, Localisation</p>

## 1. PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara Ketiga yang menyatakan "Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan". Justeru, tidak hairanlah taburan keseluruhan masjid di Malaysia mampu mencecah angka yang agak tinggi iaitu sebanyak 6850 masjid setakat tahun 2022 (JAKIM, 2022). Masjid di dalam Islam tidak selayaknya hanya menjadi pusat ibadah solat semata-mata. Masjid sebagai institusi pertama yang diutamakan oleh Rasulullah pembinaannya setelah tiba di Kota Madinah di dalam peristiwa Hijrah semestinya mempunyai pelbagai peranan penting yang tidak terhad hanya sebagai pusat ibadah solat. Melihat kepada sejarah Islam, institusi masjid mempunyai peranan lain sebagai pusat pengajian, pusat pentadbiran negara, pusat pertahanan negara, pusat perbincangan dan termasuk pusat ekonomi umat Islam. Masjid juga merupakan kawasan dan tempat yang dicintai oleh Allah SWT (Ibn Kathir, t.t.). Ibnu Kathir juga memetik kata-kata Qatadah yang mentafsir sebahagian perkataan rumah di dalam Al-Quran adalah bermaksud masjid yang Allah perintahkan untuk dibangunkan, diimarahkan dan disucikan. Tafsiran-tafsiran ini juga membawa maksud masjid bukan sekadar berfungsi sebagai pusat ibadah, bahkan berperanan penting dalam membentuk masyarakat yang baik dari segenap aspek kehidupan termasuklah dari sudut ekonomi umat Islam.

Sedar dan cakna akan fungsi masjid dalam pemantapan status ekonomi umat Islam, kebanyakan masjid di Malaysia mula mengorak langkah dalam pengimaranan masjid termasuklah dalam membantu ekonomi masyarakat

setempat. Namun begitu, wujud segelintir masyarakat Muslim yang melihat institusi masjid di Malaysia masih mempunyai ruang untuk diperbaiki dalam menggerakkan ekonomi umat Islam (Nor Azlina et. al, 2016). Pendapat ini juga disokong oleh Mohd Yahya et. al. (2015) yang menyatakan bahawa masyarakat kita masih belum jelas dengan fungsi masjid sebagai alternatif bantuan ekonomi kepada masyarakat Islam khususnya. Oleh itu, satu kajian lanjut perlu dijalankan bagi mengkaji dan menjelaskan peranan institusi masjid dalam memastikan kemapanan kedudukan ekonomi umat Islam zaman kini. Dalam konteks semasa, banyak masjid baharu telah dibina atas nama persendirian mahupun di bawah inisiatif kerajaan di sesebuah negeri. Masjid yang dibina bercirikan fasiliti dan estetika moden belum tentu baik dari segi pengimarahannya khususnya dalam hal ekonomi setempat. Menurut Roslan Mohamed (2008), antara faktor hilangnya tarikan umat Islam ke masjid adalah disebabkan aktiviti pengimaran masjid yang amat sedikit. Masjid hanya dilihat sebagai pusat ibadah umat Islam yang berfokuskan kepada aktiviti solat berjemaah. Berdasarkan kajian lain, Kristel Kessler (2015) menyifatkan sebahagian masjid telah hilang identiti dan matlamat sebenar institusi tersebut yang sepatutnya juga membantu masyarakat di saat perubahan politik, ekonomi dan sosial kian pesat berubah dari semasa ke semasa. Terdapat tujuh sebab yang menyumbang ke arah pengurangan jumlah jemaah yang datang ke masjid iaitu fungsi masjid yang terhad, kelemahan pengurusan, masalah individu, fasiliti yang tidak lengkap, keperibadian imam dan ahli jawatankuasa masjid yang kurang menyenangkan serta lokasi masjid yang tidak strategik (Muhammad Faisal & Firdaus (2018); Abg Mohamad & Hafizul (2018). Berdasarkan kepada permasalahan-permasalahan berkaitan institusi masjid yang dinyatakan, dapat disimpulkan bahawa sebahagian masjid di Malaysia masih belum menggalas dan memenuhi fungsi masjid. Salah satu fungsi masjid yang kurang diberi perhatian adalah peranan masjid dalam membantu ekonomi umat Islam khususnya bagi masyarakat setempat. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji aktiviti-aktiviti sebahagian masjid cemerlang di Malaysia khususnya dalam menjaga hal ekonomi umat Islam untuk dijadikan sebagai model dan contoh ikutan bagi seluruh masjid di Malaysia.

## 2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Instrumen pengumpulan data pula adalah terdiri daripada analisis dokumen dan temu bual bersama pihak berautoriti. Data-data yang dikumpulkan adalah melalui sumber berbentuk dokumen rasmi, tesis, buku, seminar dan artikel yang berkaitan sama ada secara fizikal ataupun maya. Selain itu, data daripada laman sesawang juga digunakan bagi mengumpul maklumat berkaitan pengurusan masjid dan

bantuan ekonomi kepada masyarakat setempat. Instrumen temu bual juga telah dijalankan bagi mendapatkan data. Temu bual adalah berbentuk separa struktur bersama pihak berautoriti masjid. Data yang diperoleh seterusnya dibahagikan mengikut tema-tema yang telah ditentukan.

### 3. HASIL KAJIAN & PERBINCANGAN

Peranan masjid pada era emas umat Islam bermula pada zaman Rasulullah SAW sehingga 2 abad yang berikutnya sememangnya tidak dapat disangkal lagi berdasarkan bacaan dalam lipatan sejarah. Peranan masjid yang holistik dari aspek pemerkasaan ibadah, ekonomi, pendidikan, sosial, kesihatan dan politik umat Islam perlu dilestarikan dalam kehidupan manusia terutamanya pada zaman yang penuh tribulasi ini. Di Malaysia, terdapat masjid-masjid yang diiktiraf cemerlang dari sudut pengurusannya melalui penilaian-penilaian yang telah dijalankan oleh pihak berautoriti seperti melalui sistem pengurusan masjid di negeri-negeri mahupun Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Seterusnya, kajian ini akan mengkaji dengan lebih mendalam amalan pengurusan masjid-masjid terbaik yang dipilih secara rawak di beberapa buah negeri di Malaysia terutamanya dari sudut sumbangannya terhadap sosio ekonomi setempat.

#### 3.1 *Masjid Taman Temerloh Jaya (MTJ)*

Masjid Taman Temerloh Jaya telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Masjid Malaysia 2020 anjuran stesen televisyen, Alhijrah (Sinar Harian, 2021). Masjid yang terletak di Daerah Temerloh, Pahang ini juga pernah tular di negara kita kerana jumlah jemaah khususnya solat Subuh melimpah dan padat selain dikunjungi pelbagai pengurusan masjid dan orang ramai (Harian Metro, 2019). Masjid tersebut dipengerusikan oleh Dr Abdullah Ismail dan beliau amat mementingkan perkembangan masjid daripada pelbagai aspek termasuklah dari sudut pengimaranan, penyatuhan umat, penyebaran ilmu, pusat bantuan sosial dan pusat bantuan ekonomi setempat. Kajian ini berkesempatan menemu bual Dr Abdullah Ismail semasa berlangsungnya Seminar Antarabangsa Tadbir Urus Masjid 2022 di Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. Menurut beliau, antara bentuk bantuan ekonomi yang disalurkan oleh pihak MTJ adalah mengadakan jamuan makan mingguan terutamanya bagi golongan yang memerlukan. Selain itu, MTJ juga menghulurkan bantuan kewangan dan melawat ahli kariah yang ditimpa musibah penyakit dan kemalangan. Pemberian bantuan kewangan tersebut diambil daripada kutipan derma yang disalurkan ke MTJ bagi memberi sinar harapan dan pertolongan kepada golongan yang memerlukan. Temerloh juga

terkesan dengan kejadian banjir yang sering dikaitkan dengan musim tengkujuh yang berlaku saban tahun di negeri tersebut. Mengambil berat tentang kebajikan ekonomi umat, MTJ juga tidak ketinggalan membantu mangsa-mangsa yang terkesan dengan musibah tersebut. Bantuan dalam bentuk kewangan, pakaian dan makanan amat giat diedarkan kepada penduduk setempat dan kawasan-kawasan sekitar yang teruk dinaiki banjir seperti di Taman Mentakab Indah.

MTJ juga berperanan sebagai pusat pengumpulan bantuan makanan daripada pelbagai agensi dan institusi yang datang daripada pelbagai negeri dan latar belakang. Selain itu, MTJ juga bertindak memberikan bantuan kewangan dan pelajaran kepada pelajar miskin dan anak yatim. Bantuan tersebut adalah bagi meringankan beban pelajar khususnya dalam kalangan ahli kariah Temerloh Jaya. Menurut Dr Abdullah Ismail lagi, beliau melihat masjid perlu sentiasa mengingatkan ahli jemaah untuk sentiasa cintakan berinfak dan bersedekah. Hasilnya, MTJ mampu menukar karpet masjid yang bernilai RM120,000 dan membeli tanah yang berharga RM 1.2 juta hanya melalui kutipan ahli jemaah tempatan sahaja dalam masa yang amat singkat. Antara usaha lain, MTJ juga memperkasakan ekonomi masyarakat setempat dengan pengukuhan badan khairat kematian. Badan khairat kematian dilihat penting bagi menampung kos kematian yang semakin meningkat. Bagi tujuan hebahan maklumat berkaitan aktiviti masjid dan hebahan berkaitan bantuan ekonomi penduduk setempat, pihak MTJ menggunakan medium khutbah Jumaat, penyampaian mesej melalui kuliah-kuliah harian, sebaran melalui akaun-akaun media sosial pihak MTJ, dan edaran buletin masjid ke rumah-rumah di sekitar MTJ. Namun begitu, menurut Dr Abdullah, masjid tersebut tidak mempunyai kuasa untuk mengutip dan mengagihkan zakat melainkan melalui ejen atau amil yang dilantik oleh pihak Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZP). Menurut beliau lagi, pengurusan zakat di institusi masjid adalah antara inisiatif bijak yang boleh dicadangkan kepada pihak berkuasa agama Islam negeri.

### **3.2 *Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA)***

Masjid ini diberikan nama bersempena nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIII. Masjid ini dikenali juga sebagai Masjid Besi rentetan 70 peratus bahan binaan adalah diperbuat daripada besi. Masjid Besi terletak di Presint 3, Putrajaya berhadapan Istana Kehakiman atau "Palace of Justice". Masjid Besi dikelilingi oleh pelbagai jabatan dan pejabat-pejabat pentadbiran kerajaan negara. Justeru, tidak hairanlah Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dipilih sebagai salah satu daripada tiga masjid utama di Malaysia selain daripada Masjid Negara, Kuala Lumpur dan Masjid Putra, Putrajaya. Masjid Besi dikenali sebagai Masjid Pengantarabangsaan Negara. Visi masjid ini turut

memfokuskan kepada pembangunan sosio-ekonomi umat Islam setempat. Buktinya, melalui paparan portal rasmi masjid tersebut, visi MTMZA adalah “Untuk menjadikan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin sebagai pusat merealisasikan penghayatan Islam sebagai ad-din melalui Ibadah, dakwah, perkembangan ilmu, budaya, sosio- ekonomi serta pusat pelancongan yang terkemuka di peringkat antarabangsa”. Rentetan daripada itu, kajian ini memilih untuk mengkaji usaha ekonomi Masjid Besi dalam membantu masyarakat sekeliling. Kajian ini berjaya menemu bual Tuan Haji Azamir bin Haji Ilyas, Imam Besar Masjid Besi bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai fokus utama kajian ini. Menurut Tuan Haji Azamir bin Haji Ilyas (2022), pentadbiran masjid tersebut adalah berbeza daripada pentadbiran masjid-masjid kariah yang wujud di kebanyakan negeri.

Kuasa Imam Besar Masjid Besi dalam menggunakan duit tabung masjid tersebut adalah lebih besar dan sedikit bebas berbanding masjid-masjid kariah. Sebagai contohnya, Masjid Besi pernah menyalurkan sumbangan kepada masyarakat orang asli di Jerantut, Pahang dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang. Perlu diingatkan bahawa Masjid Besi sebagai masjid penuh kerajaan perlu mengikuti Pekeling Perbelanjaan Awam dalam penentuan bajet seperti bayaran penceramah, belanja makan peserta dan sewaan fasiliti luar. Menurut responden, Masjid Besi pernah mengajukan idea kepada autoriti agama Islam Wilayah Persekutuan untuk kebenaran mengagihkan hasil kutipan masjid kepada masyarakat sekitar dalam bentuk “Zakat Drive Thru”. Namun begitu, idea tersebut telah ditolak oleh autoriti agama Islam tempatan dengan menyatakan bahawa proses pemberian zakat tidak boleh diimplementasikan sewenang-wenangnya dan memerlukan model pengurusan zakat khas di masjid. Tanpa menafikan kebaikan pengurusan zakat di institusi masjid, beliau sedar bahawakekangan sumber kuasa pengurusan zakat yang perlu berpaksikan kepada Majlis Agama Islam Negeri telah membataskan peranan kuasa masjid untuk menguruskan zakat.

### 3.3 *Masjid Al-Salam Puchong Perdana*

Masjid seterusnya yang dibincangkan dalam penulisan ini adalah Masjid Al-Salam Puchong Perdana. Masjid tersebut telah memenangi Anugerah Masjid Terbaik Negeri Selangor pada tahun 2009, 2011 dan 2014. Digerakkan oleh gabungan ahli jawatankuasa yang masih bekerja dan sudah bersara terdiri daripada muslimin dan muslimat, masjid ini sering tersenarai antara 10 masjid terbaik di negeri Selangor saban tahun. Masjid Al-Salam amat mementingkan pembangunan fizikal tanpa sedikit pun mengabaikan fungsinya sebagai ejen penyebaran kebaikan kepada masyarakat melalui pembangunan ekonomi, pendidikan, adab dan rohani yang mapan. Juga dikenali sebagai “Masjid

Terapung” disebabkan 70 peratus binaannya adalah di atas tasik, Masjid al-Salam Puchong Perdana memiliki infrastruktur dan bentuk kemasan yang indah buat pengunjungnya. Masjid ini dikemudikan oleh pengurus masjid dan 7 orang imam iaitu 2 imam tetap (bayaran kerajaan), 3 imam rawatib dan 2 imam sambilan (bayaran tabung masjid) yang bertugas pada hujung minggu.

Dalam menjana pendapatan masjid, selain meraih purata RM16,000-RM25,000 sebulan hasil derma pengunjung, masjid ini turut menyewakan bilik mesyuarat, lot kedai dan dewan bagi kenduri kahwin. Dari segi peranan masjid menyuntik bantuan ekonomi kepada masyarakat setempat, terdapat dua pendekatan utama telah dijalankan iaitu pemberian bantuan bahan asas makanan kepada pihak yang dalam kesempitan wang serta kebenaran kepada pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) membuka kaunter zakat setiap hari bagi mengurus kutipan dan agihan zakat kepada pihak yang memerlukan. Pihak LZS dijemput bagi menguruskan zakat di masjid itu kerana umumnya semua institusi masjid di Selangor tidak mempunyai kebenaran dan kuasa yang bebas untuk mengutip dan mengagihkan zakat kepada masyarakat.

### **3.4 *Masjid UiTM Shah Alam***


Masjid ini juga dikenali sebagai Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin dan ditadbir oleh Bahagian Hal Ehwal Islam UiTM. Masjid ini telah dirasmikan oleh bekas Menteri Pendidikan Malaysia YB Datuk Amar Dr. Sulaiman Hj. Daud pada 11 Mac 1993. Mampu menampung 7,000 orang jemaah dalam satu masa, masjid ini juga dilengkapi dengan bilik wuduk, ruang pejabat, perpustakaan, dewan syarah, bilik mayat dan ruang-ruang untuk kemudahan umum. Menurut Ustaz Haji Lutfi Fauzi Haji Sabari, Timbalan Pengarah 2, Bahagian Hal Ehwal Islam UiTM, Masjid UiTM Shah Alam terletak di tengah-tengah UiTM Shah Alam dan pengimarahannya bergantung kepada staf dan pelajar-pelajar. Secara pentadbirannya, Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin adalah dikategorikan sebagai masjid institusi yang bernaung di bawah UiTM Shah Alam, namun begitu masih tertakluk kepada peraturan yang diperkenalkan oleh Pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor. Kehebatan masjid ini semakin terserlah apabila diakui layak menerima persijilan dan pengiktirafan Mosque Governance Rating Index (MGRI)/ Indeks Penarafan Tadbir Urus Masjid sebagai indikator pengurusan masjid yang cekap dan telus terutamanya dari sudut pengurusan akaun kewangan.

Masjid ini menyasarkan bantuan kepada pihak pelajar dan staf UiTM terutamanya dari sudut perbelanjaan makan sekiranya pihak masjid ada menganjurkan apa-apa program atau sambutan Islam. Sebagai contohnya,

pihak masjid ada menyediakan juadah berbuka puasa bagi para pelajar setiap hari Isnin dan Khamis serta sepanjang bulan Ramadhan terutamanya bagi golongan susah dan keluarga berpendapatan rendah. Sesuai dengan kategori masjid institusi, masjid ini mempunyai sumber pendapatan yang agak banyak jika dibandingkan dengan masjid kerajaan atau masjid kariah. Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin secara khususnya mempunyai beberapa sumber pendapatan yang besar iaitu melalui potongan gaji staf, yuran pelajar (RM10 per semester), kutipan tabung masjid, sumbangan badan korporat dan dermawan serta sewaan premis masjid. Sehingga Julai 2021, jumlah dana masjid ini telah mencecah RM2.8 juta. Masjid ini tidak menguruskan perihal kutipan dan agihan zakat memandangkan pihak UiTM telah mempunyai entiti khas pengurusan zakat, sedekah dan wakaf yang dikenali sebagai Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) di bawah kuasa Naib Canselor UiTM. Namun begitu, pejabat pengurusan ZAWAF adalah terletak di bangunan Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin dan boleh diakses oleh orang awam terutamanya warga UiTM yang sering hadir solat berjemaah di masjid tersebut.

#### **4. PERANAN INSTITUSI MASJID TERHADAP BANTUAN EKONOMI PENDUDUK SETEMPAT**

Kewujudan masjid bukan sekadar berfungsi sebagai pusat ibadah, bahkan berperanan dalam membantu tahap ekonomi penduduk setempat. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan di masjid-masjid yang dinyatakan, kesemua masjid mengambil tanggungjawab menjaga kebijakan ekonomi warga setempat mengikut kapasiti masing-masing. Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA) berkapasiti sebagai Masjid Pengantarabangsaan Malaysia, Masjid Taman Temerloh Jaya (MTJ) dan Masjid Al-Salam Puchong Perdana pula berkapasiti sebagai Masjid Mukim/ Kariah serta Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin (Masjid UiTM) berkapasiti sebagai masjid institusi. Walaupun dalam kapasiti dan kategori yang berbeza, kesemua masjid yang telah dikaji masing-masing meletakkan keutamaan membantu urusan sosio-ekonomi masyarakat satu aras dengan fungsi masjid sebagai pusat ibadah setempat. Secara umumnya, fungsi-fungsi masjid dalam membantu kedudukan sosio-ekonomi masyarakat dapat difahami melalui ilustrasi rajah di bawah:



**Ilustrasi 1.** Peranan Masjid dalam Membangunkan Sosio-Ekonomi Setempat

## 5. HUBUNGAN PENTADBIRAN ZAKAT DAN INSTITUSI MASJID DI MALAYSIA

Secara umumnya, pengurusan harta umat Islam di Malaysia seperti zakat, wakaf dan baitulmal adalah tertakluk kepada peruntukan kuasa negeri seperti yang tertulis dalam Perkara 97 (3) Perlembagaan Persekutuan. Lanjutannya, membincangkan perihal pengurusan zakat di negeri-negeri, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing berkuasa dalam menguruskan hal kutipan atau kedua-dua proses kutipan dan agihannya. MAIN juga mempunyai kuasa untuk memberi mandat kepada pusat zakat, perbadanan wakaf, perbadanan baitulmal atau agensi yang diamanahkan bagi menjalankan kerja-kerja mengutip dan mengagih zakat. Namun begitu, berdasarkan perbincangan dan penelitian menerusi praktis bantuan ekonomi di masjid-masjid yang dibincangkan, secara umumnya masjid tidak mempunyai kuasa mutlak untuk mengutip dan mengagihkan zakat kepada masyarakat setempat mahupun umum. Namun begitu, kajian ini berpendapat bahawa kesemua masjid sedar dan cakna akan potensi besar ekonomi Islam sekiranya pengurusan zakat dilokalisasikan di peringkat masjid. Contohnya, Imam Besar Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA) dan Pengurus Masjid Taman Temerloh Jaya (MTJ) mengakui idea pengurusan zakat di institusi masjid sebagai pendapat yang relevan dan wajar disuarakan walaupun sedar akan keterbatasan kuasa institusi masjid yang mereka pimpin. Bukti lain, Masjid Al-Salam Puchong Perdana pula telah bekerjasama dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dengan kebenaran membuka kaunter zakat setiap hari bagi mengurus kutipan dan agihan zakat kepada pihak yang memerlukan.

Berdasarkan dapatan dan perbincangan ini, jelas bahawa pengurusan zakat di institusi masjid adalah idea yang relevan dan kekal selari dengan perkembangan semasa. Pengurusan zakat di institusi masjid diyakini mampu menaikkan syiar Islam di samping berperanan membantu meningkatkan taraf

ekonomi Muslim. Walaupun begitu, model khas dan komprehensif perlu dirangka agar pengurusan zakat dari segi kutipan dan agihan di peringkat masjid mampu dijalankan dengan lancar dan teratur mematuhi garis piawaian Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selain menepati roh atau tujuan pensyariatan zakat.

## 6. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, tidak dinafikan bahawa kedudukan masjid sebagai institusi terpenting dalam pembangunan adab manusawi masih dan kekal relevan untuk diketengahkan di samping perlu dimanfaatkan sebaiknya oleh umat Islam. Islam sebagai agama yang lengkap telah menunjukkan bahawa peranan masjid bukan sahaja vital dalam menyuburkan kerohanian Muslim, bahkan boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi masyarakat setempat khususnya. Masjid tidak seharusnya terhenti dan statik fokusnya kepada pembangunan rohani masyarakat semata-mata. Berdasarkan kepada perbincangan keempat-empat masjid contoh dan cemerlang dalam kategori masing-masing yang dinyatakan, kajian meringkaskan bahawa bantuan ekonomi kepada masyarakat tetap menjadi fokus institusi masjid di samping berperanan sebagai pusat pembangunan spiritual masyarakat. Keutamaan bantuan ekonomi masjid-masjid ini adalah tertumpu kepada masyarakat setempat sebelum disalurkan kepada masyarakat luar. Agihan bantuan makanan asasi, pemberian wang kepada masyarakat miskin dan ditimpa musibah, belanja jamuan makan jemaah serta pengelolaan khairat kematian merupakan antara sumbangan ekonomi yang kebiasaannya diberikan oleh pihak masjid kepada masyarakat setempat. Masjid Al-Salam Puchong Perdana turut berinisiatif menjalankan kerjasama proaktif dengan menjemput Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk membuka kaunter kutipan dan agihan zakat bagi masyarakat sekitar. Langkah ini dilihat amat realistik dan selari dengan amalan pengurusan zakat semasa era kegemilangan Islam terdahulu. Tambahan pula, kebanyakan dalil pensyariatan zakat didatangkan sekali dengan pedalilan berkaitan solat yang sinonim dengan institusi masjid. Berdasarkan konteks yang berbeza, pengurusan zakat di institusi masjid juga dilihat selari dan mendokong keenam-enam nilai teras Malaysia Madani iaitu elemen kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Hasilnya, misi dan visi Malaysia Madani juga mampu digapai dengan mudah ke arah negara yang lebih makmur dan maju melalui laras bahasa, konsep dan budaya kearifan tempatan.

## 7. RUJUKAN

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2022. Statistik Masjid di Malaysia. <https://masjid.islam.gov.my/>. Diakses pada 19 Ogos 2022. Perlembagaan Persekutuan
- Sinar Harian. "Masjid Temerloh Jaya terima Anugerah Masjid Malaysia 2020". <https://www.sinarharian.com.my/article/128877/EDISI/Masjid-Temerloh-Jaya-terima-Anugerah-Masjid-Malaysia-2020>. Diakses pada 23 Ogos 2022.
- Nor Azamir bin Haji Alias. Imam Besar Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin. Pengurusan Dan Program Dakwah. 27 Julai 2022. Seminar Antarabangsa Tadbir Urus Masjid 2022.
- Ibn Kathir, I. U. K. (t.t.). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Solahuddin Abdul Hamid et. al. 2021. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. "Pengalaman Pengurusan Pentadbiran Masjid-Masjid Terbaik Di Selangor".
- Mohd Yahya, M. H., Fidlizan, M., Mohamad, H., Azila, A. R., & Nurul Fadly, H. (2015). Aplikasi teknologi sistem perakaunan untuk penjanaan ekonomi masjid. *Journal of Society and Space* 11(2) . Diakses daripada: <http://www.reseachgate.net/publication/274568847>.
- Abg Azemi, A. M. H. dan Hafizul. (2018). Kesedaran Jawatankuasa Masjid Terhadap Fungsi Masjid Sebagai Pusat Pengembangan Ilmu: Kajian di Masjid al-Mujahidin, Maludam, Sarawak. Prosiding Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke 11, 2018, pp: 111-116.
- Kessler, K. (2015). Conceptualizing Mosque Tourism: A Central Feature of Islamic and Religious Tourism. *International Journal of Religious Tourism and Pilgrimage*. Vol. 3, Issue 2, article 2. pp: 11-32.
- Mohamed, Roslan. (2008). Pemerkasaan Masjid Melalui Pengurusan Profesional. Dalam Mohd Ismail Mustari dan Kamarul Azmi JAAsmi (Eds.). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia

Abdullah Ismail. Pengerusi Masjid Temerloh Jaya, Pahang. Pengurusan Dan Program Dakwah 27 Julai 2022. Seminar Antarabangsa Tadbir Urus Masjid 2022.

Lutfi Fauzi Haji Sabari. Timbalan Pengarah 2, Bahagian Hal Ehwal Islam UiTM, Masjid UiTM Shah Alam. Pengurusan Dan Program Dakwah 27 Julai 2022. Seminar Antarabangsa Tadbir Urus Masjid 2022.

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*